

# PANDUAN ADMINISTRASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

Jadual Kandungan		Muka Surat
A	Cara Menyertai AGM Secara Dalam Talian	1
B	Cara Mengundi	3
C	Cara Mengirim Borang Proksi AGM	4
D	Cara Mengakses Laporan Tahunan & Dokumen Berkaitan	5

## PANDUAN ADMINISTRASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

### A. CARA MENYERTA AGM SECARA DALAM TALIAN

1. Pilihan bagi kemudahan Penyertaan Dalam Talian dan Pengundian Elektronik (Remote Participation and Electronic Voting, "RPEV") terbuka kepada:
  - (i) Ahli individu;
  - (ii) Pemegang saham korporat;
  - (iii) Penama diberi kuasa; dan
  - (iv) Penama diberi kuasa dikecualikan.
2. Semasa mesyuarat dalam talian, anda akan dapat mengajukan soalan kepada Boardroom melalui platform mesyuarat di <https://meeting.boardroomlimited.my>, dan membuat undian untuk resolusi secara langsung.

Pemegang saham boleh mengemukakan soalan terlebih dahulu mengenai resolusi AGM dan Laporan Tahunan 2021 bermula dari 29 April 2022 dan tidak lewat dari jam 10.00 pagi, hari Isnin 20 Jun 2022 melalui laman sesawang Boardroom di <https://investor.boardroomlimited.com> menggunakan ID pengguna dan kata laluan sama yang didapatkan dari Langkah 2 dibawah, pilih "SUBMIT QUESTIONS" dan hantarkan soalan ("Pre-AGM Meeting Questions").

3. Untuk menyertai AGM, anda memerlukan ID masuk dan kata laluan. Berikut adalah langkah-langkah mendapatkan ID masuk serta kata laluan tersebut.

### LANGKAH 1

**Daftar Dalam Talian dengan Boardroom Smart Investor Portal ("BSIP")  
(Untuk pendaftaran kali pertama sahaja. Jika anda mempunyai ID BSIP, pergi ke Langkah 2)**

*[Nota: Jika anda telah mendaftar dengan Boardroom Smart Investor Portal sebelum ini, anda tidak perlu mendaftar sekali lagi; anda boleh teruskan ke Langkah 2 (hantar permohonan untuk ID pengguna dan kata laluan Penyertaan Dalam Talian)]*

- a. Akses laman sesawang <https://investor.boardroomlimited.com>
- b. Klik <<Register>> untuk mendaftar sebagai pengguna
- c. Lengkapkan pendaftaran dan muat naik imej MyKAD (depan dan belakang) atau pasport dalam format JPEG atau PNG
- d. Anda akan menerima e-mel daripada BSIP Online untuk pengesahan alamat e-mel. Klik pada "Verify E-mail Address" dalam e-mel yang diterima untuk meneruskan pendaftaran.
- e. Setelah alamat e-mel anda disahkan, anda akan diarahkan semula ke BSIP Online untuk pengesahan daripada nombor telefon bimbit. Klik pada "Request OTP Code" dan kod OTP akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan. Anda perlu memasukkan Kod OTP dan klik "Enter" untuk lengkapkan proses tersebut.
- f. Setelah nombor telefon bimbit anda disahkan, pendaftaran akaun BSIP baharu anda akan menunggu untuk pengesahan akhir
- g. E-mel akan dihantar kepada anda dalam masa satu (1) hari perniagaan untuk memaklumkan kelulusan akaun BSIP anda. Anda boleh log masuk di <https://investor.boardroomlimited.com/> dengan alamat e-mel dan kata laluan yang anda berikan semasa pendaftaran untuk teruskan ke langkah seterusnya.

### LANGKAH 2

**Pohon ID Pengguna dan Kata Laluan Penyertaan Dalam Talian  
(bagi pemegang saham yang telah ada ID Boardroom Smart Investor Portal)**

Pendaftaran untuk akses secara dalam talian akan bermula pada 29 April 2022. Sila maklum bahawa tarikh akhir untuk menghantar permohonan anda adalah pada pukul 10:00 pagi, 20 Jun 2022 (48 jam sebelum AGM bermula).

**Ahli Individu**

- i. Log masuk ke <https://investor.boardroomlimited.com> menggunakan ID pengguna dan kata laluan anda
- ii. Pilih dan klik “Corporate Meeting”
- iii. Pergi ke “DRB-HICOM Berhad 32nd Annual General Meeting” dan klik Enter
- iv. Pergi ke “VIRTUAL” dan klik pada “Register for RPEV”
- v. Baca dan setuju dengan Terma & Syarat
- vi. Masukkan nombor akaun CDS anda dan klik “Submit” untuk lengkapkan permintaan anda.

**Pemegang Saham Korporat**

- i. Hantarkan nama Ahli, Nombor Akaun CDS dan Sijil Lantikan Wakil Korporat atau Borang Proksi ke [bsr.helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:bsr.helpdesk@boardroomlimited.com) untuk membuat permohonan
- ii. Sila sediakan salinan MyKad Proksi (depan dan belakang) atau pasport dalam format JPEG atau PNG serta alamat e-mel proksi

**Penama Diberi Kuasa dan Penama Diberi Kuasa Dikecualikan**

- i. Hantarkan nama Ahli, Nombor Akaun CDS dan Sijil Lantikan Wakil Korporat atau Borang Proksi ke [bsr.helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:bsr.helpdesk@boardroomlimited.com) untuk membuat permohonan
- ii. Sediakan salinan MyKad Proksi (depan dan belakang) atau Pasport dalam format JPEG atau PNG serta alamat e-mel proksi

**Apabila selesai langkah-langkah di atas:**

- a. Anda akan menerima makluman dari Boardroom bahawa permohonan anda telah diterima dan sedang disahkan
- b. Sistem akan mengesahkan pendaftaran anda dengan Rekod Depositori AGM dan anda akan menerima e-mel dari Boardroom meluluskan atau menolak pendaftaran anda menyertai AGM secara dalam talian
- c. Jika diluluskan, anda juga akan menerima ID pengguna dan kata laluan anda dalam e-mel dari Boardroom

Anda kini sedia menjadi peserta AGM, dan anda boleh log masuk pada hari AGM seperti yang diterangkan di bawah.

Sila maklum bahawa tarikh akhir untuk menghantar permohonan anda adalah pada jam 10:00 pagi, 20 Jun 2022 (48 jam sebelum AGM bermula).

**Saya Tidak Menerima Sebarang Makluman dari Boardroom**

Jika anda tidak dapat makluman melalui e-mel, sila hubungi:

Talian Bantuan: +603 7890 4700; atau  
E-mel: ke [bsr.helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:bsr.helpdesk@boardroomlimited.com)

## PANDUAN ADMINISTRASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

### LANGKAH 3

#### Log Masuk Portal pada Hari AGM

[Sila maklum bahawa kualiti sambungan ke siaran langsung Portal Mesyuarat Dalam Talian dan juga semasa proses undian dalam talian bergantung besar pada lebar jalur dan kestabilan sambungan internet di lokasi pengguna dalam talian]

- a. Portal mesyuarat dalam talian akan dibuka untuk log masuk pada jam 9:00 pagi 22 Jun 2022 (satu jam sebelum bermulanya AGM pada 10:00 pagi)
- b. Ikuti langkah yang diberikan dalam e-mel; gunakan ID pengguna dan kata laluan anda untuk log masuk ke portal mesyuarat dalam talian (rujuk Langkah 2 di atas)
- c. Langkah-langkah itu juga akan menunjukkan cara menonton siaran langsung, mengemukakan soalan dan membuat undian
- d. Pastikan alat peranti anda berfungsi dengan baik, dan dicas sepenuhnya atau disambungkan ke punca kuasa; penggunaan earphones disarankan untuk audio yang lebih jelas
- e. Apabila Pengerusi menamatkan AGM, siaran langsung akan tamat dan tettingkap soalan tidak akan beroperasi lagi

Anda boleh log keluar dari portal / undur diri dari mesyuarat pada bila-bila masa.

### B. CARA MENGUNDI

1. Undian akan dilangsungkan menggunakan poll menurut Perenggan 8.29A Syarat-Syarat Penyenaraian Di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

DRB-HICOM telah melantik Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd. sebagai Pengendali Undian dalam menjalankan undian secara e-undi, dan Sky Corporate Services Sdn. Bhd. sebagai Pemeriksa untuk mengesahkan keputusan undian.

2. Untuk AGM ini, e-undi akan menggunakan mana-mana alat peranti berikut:
  - a. telefon pintar persendirian;
  - b. tablet; atau
  - c. komputer riba atau komputer peribadi (PC)
3. Ada dua cara untuk ahli dan proksi membuat undian:
  - i. gunakan Pengimbas Kod QR yang disediakan dalam e-mel yang anda terima semasa pendaftaran, ATAU
  - ii. layari URL laman sesawang <https://meeting.boardroomlimited.my>
4. Undian hanya akan bermula apabila Pengerusi mengumumkan pembukaan undian, dan akan kekal dibuka sehingga Pengerusi mengumumkan penamatan undian.
5. Sejurus poll ditutup, Pemeriksa akan mengesahkan laporan keputusan undian dan akan mengumumkan hasil undian. Pengerusi akan menyatakan sama ada resolusi yang telah diundi berjaya dilaksanakan atau tidak.

### C. CARA MENGIRIM BORANG PROKSI AGM

Jika anda tidak dapat mengikuti siaran AGM pada 22 Jun 2022 dan ingin melantik Pengerusi Mesyuarat sebagai proksi untuk mengundi bagi pihak anda, sila hantarkan borang proksi secara elektronik melalui "Boardroom Smart Investor Portal" di <https://investor.boardroomlimited.com>

Pengiriman ini mesti dibuat tidak lewat dari 48 jam sebelum AGM, iaitu sebelum jam 10.00 pagi hari Isnin, 20 Jun 2022.

Untuk membuat pengiriman boring proksi secara elektronik, sila baca dan ikuti langkah dibawah:

#### LANGKAH 1

##### Daftar Dalam Talian dengan BSIP (untuk pendaftaran kali pertama sahaja)

##### Lihat mukasurat 1 di atas

[Catatan: Jika anda pernah mendaftar di BSIP, anda tidak perlu mendaftar sekali lagi, teruskan ke Langkah 2 dibawah untuk Pengiriman e-Proksi].

#### LANGKAH 2 - Pengiriman e-Proksi

- a. Layari Boardroom di [www.boardroomlimited.my](http://www.boardroomlimited.my)
- b. Log masuk dengan ID pengguna anda (iaitu alamat e-mel anda) dan kata laluan
- c. Pergi ke "Corporate Meeting" dan semak Meeting List untuk "DRB-HICOM 32nd Annual General Meeting." "Kemudian, pergi ke "PROXY" dan klik Submit eProxy Form
- d. Baca Terma & Syarat dan setuju
- e. Masukkan Nombor Akaun CDS dan bilangan sekuriti yang proksi akan mengundi bagi pihak anda
- f. Lantik proksi anda atau Pengerusi Mesyuarat dan masukkan maklumat proksi
- g. Nyatakan arahan undian anda – FOR, AGAINST atau ABSTAIN, jika tidak, proksi anda akan memutuskan untuk anda
- h. Semak dan sahkan pelantikan proksi anda dan klik "SUBMIT"
- i. Muat turun atau cetak pengakuan borang e-Proksi

Sebagai alternatif, anda juga boleh menandatangani borang proksi di pejabat Share Registrar di:

Tingkat 11, Menara Symphony,  
No 5, Jalan Profesor Khoo Kay Kim, Seksyen 13,  
46200 Petaling Jaya, Selangor.

Ini juga perlu dilakukan tidak lewat dari 48 jam sebelum AGM, iaitu pada jam 10.00 pagi hari Isnin, 20 Jun 2022.

#### Pembatalan Proksi

Seandainya anda telah menghantar Borang Proksi anda dan kemudian memutuskan untuk melantik orang lain ataupun anda sendiri ingin mengambil bahagian dalam AGM elektronik kami, sila tulis kepada [bsr.helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:bsr.helpdesk@boardroomlimited.com) untuk membatalkan proksi yang dihantar sebelumnya. Ini perlu dilakukan tidak lewat dari 48 jam sebelum AGM bermula.

## PANDUAN ADMINISTRASI UNTUK PEMEGANG SAHAM

### D. CARA MENGAKSES LAPORAN TAHUNAN & DOKUMEN AGM BERKAITAN

1. Anda boleh mendapatkan salinan dokumen-dokumen berikut di laman sesawang Syarikat di <https://www.drb-hicom.com/investors/agm-32/>
  - i. Laporan Tahunan\* untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021
  - ii. Laporan Tadbir Urus Korporat 2021
  - iii. Pekeliling Kepada Pemegang Saham berkaitan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Transaksi Berulang Pihak Berkaitan ("RRPT") yang sedia ada bersifat pendapatan atau perdagangan
  - iv. Makluman AGM ke-32
  - v. Borang Proksi

\* Laporan Tahunan 2021 merangkumi Laporan Kelestarian 2021

2. Jika anda memerlukan salinan cetak Laporan Tahunan DRB-HICOM untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021, sila ke Boardroom Smart Investor Portal di <https://investor.boardroomlimited.com>.

Pilih "Request for Annual Report" di bawah menu "Investor Services".

Anda juga boleh meminta laporan tersebut dari pendaftar saham kami melalui:

E-mel: [bsr.helpdesk@boardroomlimited.com](mailto:bsr.helpdesk@boardroomlimited.com)

Tel: +603 7890 4700

**Sila maklum bahawa penghantaran dokumen tersebut mungkin tersekat atau lewat kerana permintaan untuk perkhidmatan kurier yang tinggi.**

Kami amat teruja untuk mengacarakan AGM ini secara dalam talian. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan sebelum AGM ke-32 ini, sila hubungi nombor-nombor berikut pada waktu pejabat:

- i. Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd.  
Tel: **+603 7890 4700**
- ii. Jabatan Kesetiausahaan Korporat DRB-HICOM  
Tel: **+603 2052 8935**

**-TAMAT-**